

31/01/1999

Pecutan elit

Halmi Samad

DARIPADA jauh, kelompok pelumba itu kelihatan seperti sekawan lebah yang berwarna-warni. Ada ketikanya, pelumba membentuk gambaran seumpama lipan bara, terutama ketika sedang berkayuh dalam formasi garisan lurus sehingga sepanjang 1.2 kilometer.

Suasana hingar-bingar itu diceriakan lagi dengan bunyi siren polis peronda yang disusuli deruman kereta pengiring.

Biarpun bahang matahari sepanjang 34 Celsius, pelumba paling depan terus berkayuh untuk mengekalkan kedudukan demi membolot ganjaran lumayan dalam perlumbaan Le Tour de Langkawi 1999. Yang nyata, sekalipun Le Tour de Langkawi (LDTL) belum sehebat Tour de France, ia diiktiraf perlumbaan ketiga paling elit di dunia kini, biarpun baru berusia empat tahun.

Dalam tempoh 12 hari, seramai 150 pelumba dikerah berkayuh sejauh 1,902 kilometer untuk memburu hadiah lebih RM1.6 juta. Dan, di celah-celah ratusan pelumba sedang berkayuh itu, Nor Effandy Rosli, pemenang pingat perak Sukan Komanwel 1998 kebanggaan Malaysia tenang menyaingi Andrea Tafi, jaguh terkemuka dunia daripada pasukan Mapei-Quick Step dari Itali.

Mahazir Hamad, Tsen Seong Hoong dan Shahrulneeza Razali rancak membantu untuk memastikan Nor Effandy tidak mudah letih dalam pecutan terakhir. Di tepian jalanan, lebih 10,000 peminat membanjiri garisan penamat. Penduduk Kuala Kangsar Perak, bersorak ria petanda selesai perlumbaan peringkat ketiga yang awal paginya dilepaskan di Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Senario begini jarang sekali dilihat sebelum ini. Namun pada 1995, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan idea supaya diadakan perlumbaan seperti Tour de France di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) First Cartel (M) Sdn Bhd (First Cartel), Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim mengimbas kembali detik-detik awal ketika Dr Mahathir membayangkan prospek perlumbaan berkenaan kepada Pengarah Eksekutif Berjaya Industries, Allahyarham Datuk Wan Adli Wan Ibrahim pada awal 1995.

"Ketika itu, PM (Dr Mahathir) begitu suka kepada basikal. Beliau selalu bercakap mengenai basikal. Lebih-lebih lagi apabila berjumpa arwah Wan Adli. Tapi, idea itu hanya dapat dilaksanakan setahun selepas itu.

"Pada waktu itulah, saya diberikan tanggungjawab untuk menjayakan perlumbaan Le Tour de Langkawi pada 1996. Ia satu permulaan yang begitu sukar. Banyak perkara yang perlu dipelajari," katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Wan Lokman berkata, bukan mudah untuk menganjurkan satu perlumbaan besar seperti Le Tour de Langkawi kerana ia membabitkan terlalu banyak pihak berkuasa termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI), Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kami juga terpaksa melalui proses sukar untuk meyakinkan penaja supaya mengeluarkan wang yang banyak bagi memastikan perlumbaan pada 1996 dapat diadakan. Ia membabitkan berjuta-juta ringgit.

"Itu belum lagi urusan menjemput kelab-kelab profesional seperti Mapei-Bricobi (sekarang Mapei-Quick.step) dan MG Technogym. Kebenaran daripada UCI perlu diperolehi. Begitu juga dengan kelulusan daripada MNCF.

"Yang menjadi masalah kepada kami ketika itu ialah semua petugas kurang berpengalaman kerana kali pertama mengadakan Le Tour de Langkawi. Tapi, mudah-mudahan sekarang semuanya sudah dapat diatasi. Semuanya berjalan lancar sekarang," katanya.

Pengurus Media First Cartel, Azman Baharuddin pula menganggap Le Tour de Langkawi sudah terlalu sukses kalau mengambil kira usia perlumbaan itu diadakan sejak 1996.

"Tour de France berusia lebih 100 tahun. Tidak hairanlah kalau perlumbaan itu dianggap perlumbaan paling sempurna dan elit di dunia. Malah, kalau kita mengambil kira belanjawan kelab Festina, ia menjangkau sehingga RM360 juta.

"Tour de France itu mungkin mencapai angka berbilion ringgit. Sebenarnya, Tour de France adalah satu industri sangat besar, khususnya kepada sektor pelancongan, perkhidmatan dan penajaan. Sekarang apabila tiba musim Tour de France, beratus-ratus ribu orang akan pergi ke Perancis (termasuk Belgium, Belanda, Ireland dan Switzerland) untuk menyaksikan perlumbaan berkenaan.

"Kita boleh lakukan perkara yang sama di Malaysia. Le Tour de Langkawi boleh menjadi pemangkin untuk menggerakkan sektor pelancongan dengan lebih efisien pada masa depan," kata Azman.

Ketua Pegawai Operasi (COO) First Cartel, Wan Ahmad Lotfi Datuk Padukan Wan Ibrahim pula menyifatkan Le Tour de Langkawi akan menjadi sinonim paling bermakna dalam kalendar pelancongan Malaysia.

"Sekarang, kita menjemput kelab-kelab profesional terkemuka di dunia untuk bertanding dalam Le Tour de Langkawi. Dari segi liputan publisiti, ia merangkumi lebih 192 negara, termasuk Eropah dan Amerika Syarikat.

"Ini memberi kesan kepada industri pelancongan dan perkhidmatan dalam jangka masa pendek serta panjang.

"Akan tiba masanya apabila semua orang, khususnya syarikat besar berebut-rebut untuk menaja perlumbaan Le Tour de Langkawi kerana mereka tahu faedah yang boleh diperoleh daripadanya," katanya.

(END)